

# TAHUKAH ANDA?

## Soalan

**Tahukah anda apakah program akademik terbaru di peringkat ijazah sarjana muda yang ditawarkan di UniMAP bagi sesi pengajian 2007/2008?**

## Jawapan

Kursus tersebut ialah **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer (RK 32)**. Selain kursus berkenaan, UniMAP turut menawarkan 15 lagi program akademik peringkat ijazah sarjana muda iaitu Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Perhubungan, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, Kejuruteraan Sistem Elektrik, Kejuruteraan Elektronik Industri, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Rekabentuk Produk, Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Metalurgi, Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar.



## Soalan

**Berapakah keluasan tapak kampus tetap UniMAP?**

## Jawapan

UniMAP mempunyai dua tapak kampus tetap iaitu di **Ulu Pauh seluas 1,028 ekar** dan di **Sungai Chuchuh seluas 253 ekar**. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-9, pembangunan Kampus Tetap UniMAP memberi tumpuan kepada Kampus Ulu Pauh di mana hampir 60% kawasan tapak akan dibangunkan sehingga 2010. Manakala rancangan pembangunan Kampus Sg. Chuchuh akan dibangunkan menjelang Rancangan Malaysia Ke-10.



## Soalan

**Bilakah tarikh kuatkuasa penjenamaan baru dari KUKUM ke UniMAP?**

## Jawapan

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah meluluskan penjenamaan semula Kolej Universiti kepada Universiti. Serentak dengan itu, berkuatkuasa **1 Februari 2007**, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Walaupun bertukar nama, UniMAP masih mengekalkan penawaran program pengajiannya khusus di dalam bidang kejuruteraan.



## Soalan

**Apakah Program Anjuran UniMAP yang mencatat rekod di dalam Malaysia Book of Record?**

## Jawapan

**Program Baktisiswa Perdana Peringkat Negeri Perlis** yang telah diadakan pada 20-22 Julai 2007. Program yang julung kali diadakan ini melibatkan seramai 926 orang mahasiswa tahun pertama sidang akademik 2007/08 yang menjadi anak angkat kepada 460 buah keluarga daripada 23 kampung seluruh Negeri Perlis. Bilangan keluarga angkat teramai ini membolehkan program berkenaan dicatatkan di dalam Malaysia Book of Record.

